

Barat patut

BK 21 AUG 1991

dipersalahkan: PM

Oleh WAN HAMIDI HAMID

SHAH ALAM, Selasa — Kuasa Barat patut dipersalahkan berhubung pemecatan Mikhail Gorbachev daripada pucuk pimpinan Soviet Union kerana mereka lebih menumpukan idea demokrasi daripada memberi bantuan penuh kepada negara itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kuasa Barat sepatutnya memberi bantuan kepada Soviet untuk membolehkan negara itu menikmati faedah sistem pasaran bebas.

"Sistem pasaran bebas tidak mudah diterima atau diamalkan oleh rakyat Soviet yang berada di bawah pemerintahan komunis sejak lebih 70 tahun. Rakyat Soviet yang ada idea mengenai sistem pasaran bebas juga mungkin sudah lama mati.

"Sistem pasaran bebas juga

tidak mudah berfungsi di Soviet, kecuali ia mempunyai kepakaran pengurusan, usahawan dan modal. Tetapi, kuasa Barat tidak memberi itu semua, sebaliknya terus melancarkan soal demokrasi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kebangsaan di Taman Pertanian Bukit Cahaya Seri Alam, di sini, hari ini.

Menjawab soalan pemberita, Perdana Menteri berkata, keadaan di Soviet sudah dijangka kerana pihak yang fanatik kepada fahaman komunis tidak akan membenarkan republik di negara itu membuat tuntutan merdeka serta memecahkan empayar Soviet.

Beliau berkata, apabila Gorbachev cuba melaksanakan cara dan pendekatan liberal dengan keadaan hampir merendahkan diri kepada Barat, pihak komunis Soviet yang

konservatif menjadi marah.

Dalam pada itu, katanya, kuasa Barat masih lagi tidak sanggup dan tidak mahu memberi bantuan kerana lebih mengutamakan pelbagai perundangan untuk menghanguskan sistem lama.

"Dengan itu, kewibawaan Gorbachev mula hilang di kalangan rakyat Soviet. Apabila rakyat Soviet melihat Gorbachev cuba berbaik-baik dengan Barat tetapi tidak mendapat layanan, keadaan negerinya menjadi tidak begitu baik.

"Mereka tentu kecewa dengan cara dan pendekatan Gorbachev dan ini menyebabkan mereka mengambil tindakan seperti yang kita lihat sekarang ini," katanya.

Menurut beliau, kuasa Barat sepatutnya memberi bantuan penuh kepada Soviet kerana Gorbachev begitu berani

UHAT MUKA 2

Barat cuma berdiam diri

DARI MUKA 1 BK 21 AUG 1991

untuk menghapuskan sistem komunis.

"Tetapi, kuasa Barat enggan membantu kerana lebih mengutamakan apa yang dipanggil mereka sebagai demokrasi, kononnya kebebasan itu dan ini," Eatanya.

Perdana Menteri mengemukakan contoh bawaja kerajaan Malaysia membantu orang Melayu dalam bidang ekonomi kerana menyedari mereka menghadapi masalah modal, pengetahuan dan kepakaran pengurusan serta keusahawanan.

Bagaimanapun: katanya, tidak ada sesiapa

yang mahu membantu rakyat Soviet, sebaliknya semua pihak cuba mengambil kesempatan daripada keadaan semasa.

"Sudah pasti ekonomi Soviet gagal dalam sistem sekarang. Jadi, ia memberi ruang dan alasan untuk golongan konservatif kembali berkuasa kerana kewibawaan Gorbachev sudah menurun," katanya.

Ditanya sama ada Malaysia akan membuat sebarang perubahan dasar mengenai hubungan dengan Soviet Union, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan melihat perkembangannya.